

TARIKH : 9 FEBRUARI 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 24

Ekonomi digital semakin penting menjelang 2025

Ekonomi digital semakin penting menjelang 2025

Industri dijangka jana satu per empat pendapatan rakyat

Oleh Shahrizan Salian
shahrizan_salian@bh.com.my

Satu daripada setiap empat ringgit di Malaysia akan dijana melalui ekonomi digital menjelang 2025, demikian menurut Pengasas Bersama dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Kumpulan Juwai IQI, Kashif Ansari.

Beliau berkata, perangkaan terkini pada 2021 menunjukkan ekonomi digital di Malaysia kini merangkumi kira-kira 23 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDKN).

Katanya, faktor paling penting dalam pertumbuhan industri teknologi di Malaysia adalah kumpulan bakat yang tersedia dan bagi pekerja pula, industri itu menawarkan pekerjaan dengan gaji sangat lumayan.

"Lapan daripada 10 pekerjaan baharu muncul di negara ini memerlukan kemahiran teknologi digital. Ini termasuk lapangan seperti analitik data, sains data, internet kebendaan (IoT), transformasi digital dan keselamatan siber.

"Hari ini, kira-kira lapan peratus pekerjaan adalah dalam sektor teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), menurut Jabatan Perangkaan.

"Akan ada sekurang-kurangnya 500,000 pekerjaan ekonomi digital baharu di Malaysia pada 2025," katanya dalam satu kenyataan.

Kedudukan mantap

Kashif berkata, di sebalik cabaran ekonomi global semasa, beberapa pemimpin perniagaan tempatan percaya Malaysia berada dalam kedudukan mantap pada 2023, terutama dalam sektor digital dan teknologi yang pesat berkembang.

"Malaysia adalah pusat bagi teknologi digital dan pembuatan berteknologi tinggi yang berkembang pantas.

"Menurut unjuran Gartner, pelaburan global dalam teknologi akan meningkat 5.1 peratus pada 2023 dan kita akan melihat peningkatan yang sama di Malaysia.

"Pelaburan teknologi di Malaysia akan meningkat di sebalik inflasi kerana pelaburan sedemikian akan melonjakkan produktiviti," katanya.

Beliau menambah, unjuran

pertumbuhan dalam pelaburan teknologi secara langsung akan memberikan impak terhadap sektor hartanah.

"Kami menjangkakan permintaan baharu akan berlaku dalam sektor pembuatan, logistik dan hartanah komersial alternatif memandangkan pengguna sedia ada sedang berkembang dan pengguna baharu memasuki pasaran.

"Kami akan mengeluarkan unjuran pasaran lebih terperinci menjelang akhir separuh pertama ini.

"Pada jangka panjang, sektor teknologi kolar putih akan cenderung untuk memacu perminta-

an dan harga hartanah di Kuala Lumpur, Putrajaya serta Johor.

"Walaupun kerja dari jauh semakin meningkat, pekerja lebih gemar berada di bandar di mana mereka lebih hampir dengan perkhidmatan, hiburan, peluang pekerjaan serta komuniti pekerja lain.

"Malaysia mempunyai kelebihan dari segi persekitaran perniagaan yang bagus, sebahagiannya dibangunkan oleh inisiatif kerajaan menerusi pendidikan, insentif cukai dan sokongan pelaburan," katanya.

Beliau berkata, tiada negara yang sempurna dengan Malaysia masih ketinggalan di belakang Singapura dari segi kemahiran digital, namun banyak pihak mengambil ringan kelebihan negara ini dan menghargai kedudukannya pada 2023.



Kashif Ansari

